



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 7/2018

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka dengan ini adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Tenaga (Energy) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam adalah berstatus Kementerian dan tidak lagi sebagai salah satu jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

2. Sehubungan dengan itu, Jabatan Tenaga (Energy) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam pada masa ini masih lagi ditempatkan di Bangunan Jabatan Perdana Menteri.

3. Penaiktarafan Jabatan Tenaga (Energy) dan Perindustrian yang berstatus sebagai sebuah Kementerian dan tidak lagi sebagai salah satu jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah berkuatkuasa pada hari Rabu, 02hb Sya'ban 1439 bersamaan dengan 18hb April 2018.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Keluargaku, Harapanku"

(MOHD RIZA BIN DATO PADUKA HAJI MOHD YUNOS)

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan BA1000,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ruj : (7) JPM/SK/2018

Tarikh: 16 Sya'ban 1439

2 Mei 2018